



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KPN PERKENAL PERKAMPUNGAN HARMONI, PROMOSI PERPADUAN FOKUS GENERASI MUDA

KUALA LUMPUR, 22 Januari – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) di bawah inisiatif **Harmoni MADANI** akan memperkenalkan sebuah program baharu, **Perkampungan Harmoni** pada tahun ini dengan memberikan **fokus kepada golongan muda yang terdiri daripada pelbagai latar belakang agama dan budaya**. Perkara tersebut diumumkan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara semasa menyempurnakan Chinese New Year Launch Leap Into Prosperity di Pavilion Bukit Jalil, hari ini.

Program tersebut adalah bertujuan bagi **melahirkan generasi duta perpaduan yang akan bertindak sebagai ejen perubahan sosial dalam mempromosikan keharmonian dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia melalui konsep asas faham, hormat, terima dan meraikan**. Hal ini demikian kerana keharmonian bukan sekadar nilai tambah, tetapi merupakan tiang asas dalam membina sebuah negara bangsa yang kuat, stabil dan makmur.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara, berkata bahawa pada tahun ini **Kementerian menekankan agenda pembinaan negara bangsa, yang berlandaskan usaha memupuk keyakinan bersama – bahawa perbezaan dihormati, suara setiap rakyat didengari, dan kepelbagaian kita menjadi asas identiti Malaysia yang menyatukan seluruh masyarakat**. Beliau menekankan bahawa keamanan, perpaduan, kestabilan dan keharmonian kekal sebagai asas penting kepada pembangunan dan kemajuan negara.

Beliau menegaskan bahawa sektor korporat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) merupakan rakan strategik yang amat penting dalam

usaha ini. Dunia perniagaan membentuk pengalaman seharian masyarakat melalui persekitaran kerja yang inklusif, peluang yang adil serta kepimpinan yang bertanggungjawab. Manakala NGO yang berakar umbi dalam komuniti pula berperanan sebagai jambatan yang merapatkan jurang kefahaman, memupuk kepercayaan dan mengukuhkan ikatan sosial di peringkat akar umbi. Apabila kerajaan, sektor swasta dan masyarakat sivil bergerak seiring dengan ikhlas serta matlamat yang jelas, maka perpaduan dapat disemarakkan kepada tahap yang lebih tinggi.

Dalam ucapan, YB Datuk Aaron Ago Dagang turut menyatakan bahawa Tahun Baharu Cina Tahun Naga ini menjadi lambang kekuatan, kemakmuran dan harapan baharu buat negara. Sambutan ini wajar kita jadikan medan untuk memperkukuh kebersamaan serta mengeratkan hubungan sesama rakyat. Kepelbagaian kaum, agama dan budaya yang kita miliki bukanlah perbezaan yang memisahkan, sebaliknya merupakan aset terbesar negara dalam membina masyarakat yang harmoni, bersatu padu dan saling menghormati.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

22 Januari 2026

KPN.100-9/1/16 (3)